


LENSA USAHAWAN



Edisi 1/2015 | PERCUMA

www.risda.gov.my

INFO USAHAWAN BIMBINGAN RISDA



MENJANA USAHAWAN GLOBAL

Jejak
Usahawan
Jaya



Penaung

Dato' Hj. Mohamat bin Muda

Penasihat

Hj. Mohd. Najib bin A. Samad

Ketua Pengarang

Hjh. Halimah Abd. Kadir

Editor

Pn. Nor Elina binti Datuk Kamaruddin

Sidang Pengarang

Pn. Hanan binti Md. Yusoff

Pn. Jarinah binti Maarof

En. Mohammad Firdaus bin Zulkufli

En. Saiful Asyraffi bin Suhaimi

Pn. Nurulsyhada binti Ahmad

Jurufoto

Abd. Malek bin Kassim

Nurulsyhada binti Ahmad

DARI MEJA KETUA PENGARANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, Syukur Alhamdulillah penerbitan Buletin 'Lensa Usahawan' telah menjadi kenyataan. Buletin ini bertujuan untuk memaparkan kejayaan usahawan-usahawan pekebun kecil bimbingan RISDA serta aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan oleh RISDA di seluruh negara.

Dalam usaha RISDA untuk melahirkan 10,000 orang usahawan di kalangan pekebun kecil menjelang penghujung 2015, RISDA telah memberi fokus kepada pembangunan usahawan di kalangan pekebun kecil. Pelbagai bantuan dan usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang terjejas akibat keruntuhan harga getah dan sawit di pasaran. Selain daripada bantuan di bawah Program Aktiviti Tambahan, RISDA juga menyediakan bantuan untuk pembangunan produk, Pemasaran, pameran dan promosi serta rangkaian usahawan melalui Kelab Usahawan RISDA (RISEC)

Adalah diharapkan dengan adanya buletin ini, usahawan-usahawan dapat mempelajari faktor-faktor kejayaan, dorongan serta pengalaman usahawan-usahawan lain dalam usaha untuk membangunkan perniagaan masing-masing yang secara langsung dapat meningkatkan pendapatan keluarga, Insya Allah. Terima kasih dan Selamat membaca! 'Menjana Usahawan Global'

(Hjh. Halimah binti Abd. Kadir)

Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan RISDA



ISI KANDUNGAN

Kami mengalu-alukan sumbangan karya berbentuk penulisan kreatif, foto selain rencana mengenai aktiviti dan peristiwa berkaitan usahawan untuk dimuatkan di dalam Buletin ini yang akan diterbitkan secara dwi setahun. Sila hantarkan karya anda kepada:

- | | |
|-------|--|
| 3 | Eksklusif |
| 4-5 | Kemanisan yang mendatangkan Keuntungan |
| 6-7 | Berkarya Melalui Seni Seramik |
| 8-9 | Bijak Mencari Peluang, Berani hadapi Risiko |
| 10-12 | Usaha Gigih Memperoleh Kejayaan |
| 13-14 | Klik..klik |
| 15-16 | Kesungguhan Melonjak Pendapatan |
| 17-18 | Memperkasa Seni, Memartabatkan Warisan |
| 19-20 | Kehalusan Jemari Usahawan Melayu |
| 21-22 | Hari Kraf Kebangsaan 2015 Memartabatkan Hasil Kraf Seni Warisan Melayu |
| 23 | Seminar Pembangunan Usahawan dan Penyampaian Sijil AET Negeri Terengganu 2015 "Budaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pekebun Kecil" |

Ketua Pengarang, Lensa Usahawan
Bahagian Pembangunan Usahawan
Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7, Jalan Ampang
Karung Berkunci 11067, 50990 Kuala Lumpur
Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944
Email:usahawan@risda.gov.my



Tahniah Atas Perlantikan Baru!

SEMOGA DENGAN BARISAN KEPIMPINAN BARU INI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
LUAR BANDAR AKAN LEBIH SEJAHTERA DAN CEMERLANG



YB Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin
Pengerusi RISDA

YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Y.Bhg Dato' Hj. Mohamat Bin Muda
Ketua Pengarah RISDA



Kemansian yang MENDATANGKAN KEUNTUNGAN

Disediakan oleh: Nurulsyhada binti Ahmad,
Bahagian Pembangunan Usahawan

Memulakan kerjaya sebagai guru tadika, Puan Sarimah binti Jantan mula terfikir untuk menambah pendapatan keluarga melalui perniagaan. Namun beliau berkira-kira apakah perniagaan yang sesuai untuk diceburi. Beliau mula mengorak langkah membuat biskut dengan mengambil tempahan dari rakan taulan serta jiran berdekatan. Alah bisa tegal biasa, walaupun adakalanya penat, Pn. Sarimah gigih menyiapkan segala tempahan yang diterima. Penat lelah beliau terubat apabila apa yang diusahakan memberi hasil yang lumayan.

Bermula dari situlah, beliau menjadi lebih bersemangat untuk menjadikan pembuatan biskut sebagai punca pendapatan keluarganya. Ternyata pengorbanan beliau melepaskan jawatan sebagai guru tadika tidak sia-



HIDAYAH COOKIES ENTERPRISE

NAMA USAHAWAN	: SARIMAH BINTI JANTAN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: HIDAYAH COOKIES ENTERPRISE
NO. TEL/FAKS	: 013-382 8708 / 010- 891 3887
EMAIL	: sarimah_iks@yahoo.com
BIDANG PERUSAHAAN	: BAKERI
PRODUK	: ROTI, KEK & BISKUT
TAHUN MULA PROJEK	: 2000
BILANGAN PEKERJA	: 2 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM800, 000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 66,000.00

sia dan tertubuhnya Hidayah Cookies pada tahun 2000 memberikan impak yang besar dalam kehidupannya. Beliau mula mencari peluang bagi memperkenalkan produknya. Tidak berhenti setakat biskut sahaja, beliau terus menambah kepakaran beliau dalam bidang pembuatan kek dan juga roti.


Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan, Puan Sarimah mula mengintai peluang bantuan yang ditawarkan oleh agensi-agensi yang membantu usahawan IKS sepertinya. Melalui seorang kawan, beliau pergi berjumpa

dengan pegawai di Jabatan Pertanian, FAMA, RISDA dan sebagainya bagi mendapatkan bantuan untuk perniagaannya.

Tidak pernah putus asa, beliau gigih memasarkan produk biskutnya ke merata tempat baik di dalam ataupun luar negeri. Selain dari memasarkan secara langsung, beliau juga menggunakan pelbagai kaedah pemasaran bagi memastikan produknya dikenali di serta negeri seperti menghantar emel ke jabatan-jabatan kerajaan, kilang, sekolah, pusat pengajian tinggi dan sebagainya.

Mengamalkan sikap 'open door', beliau sentiasa mengalu-alukan kehadiran sesiapa sahaja yang ingin membuat lawatan sambil belajar ke Hidayah Cookies. Secara tidak langsung beliau turut mempromosikan produknya.

Sentiasa berfikiran positif, itulah yang sentiasa terpahat di hati pemilik Hidayah Cookies ini. Usaha yang gigih mendatangkan hasil yang lumayan. Kini Pn. Sarimah boleh berbangga dengan meraih pendapatan sebanyak RM 800, 000 setahun. Harapan beliau agar Hidayah Cookies akan terus dikenali sehingga ke peringkat global



Berkarya melalui **SENI SERAMIK**

Disediakan oleh: Norlijah Husin, PRN Negeri Sembilan



FKF KRAF SERAMIK ENTERPRISE

NAMA USAHAWAN	: KHAIRIAH BINTI KHALIB
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: FKF KRAF SERAMIK NO.44,JALAN BUNGA RAYA 9, SENAWANG BUSINESS CENTRE, TAMAN TASIK JAYA, 70400 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN
NO. TEL/FAKS	: 019-286 1839
EMAIL	: fkf_craft@yahoo.com.my
PENERIMA BANTUAN RISDA/LAIN-LAIN	: PENERIMA BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN BAGI PROJEK KRAF SERAMIK TAHUN 2014
BIDANG PERUSAHAAN	: KRAFTANGAN
PRODUK	: SERAMIK
TAHUN MULA PROJEK	: 2000
BILANGAN PEKERJA	: 4 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 192,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 16,000.00

FKF Kraf Seramik merupakan sebuah syarikat bumiputera yang mengusahakan produk kraftangan yang berasaskan tanah liat telah bertapak selama 15 tahun di No 44, Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan Senawang, Taman Tasik Jaya, 70400 Seremban, Negeri Sembilan merupakan ikon kejayaan usahawan RISDA kini. Pemiliknya Pn. Khairiah bt Khalib merupakan seorang usahawan yang sangat gigih dalam menjadikan minat dalam bidang seni dipupuk dan diasah sehingga menjadi punca rezeki bagi keluarganya disamping mendapat sokongan padu daripada suaminya Mohd Faizul bin Abdul Malik dalam menempa kejayaan ini.

Tanpa mengenal putus asa, sejak tahun 2000, beliau menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan bermula dalam rumah tanpa menerima apa-apa bantuan dari mana-mana agensi selain tidak mendapat pendidikan formal dalam bidang perniagaan. Pada awalnya beliau bermula dengan membeli produk asas seramik dari Perak



dan membuat penambahbaikan serta hiasan tambahan dengan melukis corak motif pada produk tersebut seterusnya memasarkannya di kebanyakan kedai bunga di sekitar Negeri Sembilan. Berkat minat seninya menyebabkan produknya diterima baik oleh pelanggan setempat dan pernah mendapat pujian dari pemilik kedai cenderamata berbangsa Cina di Bandar Nilai kerana memenuhi citarasa pengguna dan berkualiti berbanding produk yang diimport dari Negara China.

Dalam usaha untuk membuat produk keluarannya sendiri, beliau nekad menghadiri kursus-kursus dan mempelajari tentang pembuatan seramik dengan lebih mendalam dalam menghasilkan produk utama beliau iaitu pasu pelbagai saiz dan cenderamata seramik. Beliau turut bersyukur di atas keprihatinan pihak RISDA yang telah memberikan bantuan di bawah program Aktiviti Ekonomi Tambahan

(AET) pada tahun 2012 dengan bekalan mesin pembancuh tanah sekaligus memudahkan kerja memproses seramik beliau. Selain itu, RISDA turut mengambil berat atas perkembangan industri desa ini dan memberi ruang untuk beliau meningkatkan kualiti dan produktiviti produk kraftangannya melalui Tabung Pembangunan Sosio Ekonomi Pekebun Kecil yang menawarkan Skim Pinjaman Am selain Kursus dan Latihan yang bersesuaian di bawah Pembangunan Usahawan.

Beliau merupakan usahawan yang produktif dan proaktif, kerap mendapat jemputan untuk membuat pameran dan jualan anjuran pelbagai agensi seperti KKLW, MOA dan Kraftangan Malaysia. Penglibatan terbaru beliau adalah menyertai Pameran Kraftangan di Palm Mall, Seremban 2, Negeri Sembilan pada 7 - 9 November 2014. Selain dari itu, beliau juga terlibat bagi Program MAHA 2014 di The MAEPS, Serdang

Selangor pada 20 - 30 November 2014 dan yang terbaru Hari kraf Kebangsaan 2015. Kini pendapatan tahunan yang diraih boleh dianggap membanggakan dan dianggarkan sebanyak RM192,000 setahun dan beliau mampu memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Beliau mempunyai impian untuk melihat generasi muda terlibat di dalam kraftangan pembuatan seramik ini. Oleh itu, beliau sering memberikan khidmat latihan kemahiran dan kelas interaktif kepada pelbagai agensi, sekolah dan kolej kemahiran. Harapan beliau agar generasi zaman cyber tidak melupakan seni kraf yang tidak ternilai harganya. Atas kegigihan beliau dalam mengangkat seni kraftangan seramik ini, beliau telah menerima penganugerahan dari Kerajaan Negeri Sembilan dan diangkat sebagai "Usahawan Tahun 2012" dan menerima "Anugerah Usahawan Paroi".

Bijak mencari peluang, **BERANI** *Hadapi Risiko*

Disediakan oleh: Angelinda A/P Neelas, PRN Kedah



DZREEN ENTERPRISE

NAMA USAHAWAN : FADHILAH BT. AZMI
NAMA & : DZREEN ENTERPRISE
ALAMAT SYARIKAT : LOT 1128, KG. TENGAH, MUKIM TUALAK,
06300 KUALA NERANG, KEDAH
NO. TEL/FAKS : 019-481 8585
EMAIL : dzreene@yahoo.com
PENERIMA BANTUAN : PENERIMA BANTUAN AKTIVITI EKONOMI
RISDA/LAIN-LAIN TAMBAHAN BAGI PROJEK PENCETAKAN
TAHUN 2014
BIDANG PERUSAHAAN : PERKHIDMATAN
PRODUK : PENCETAKAN, SULAMAN & PENGIKLANAN
TAHUN MULA PROJEK : TAHUN 2012
BILANGAN PEKERJA : 5 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM100, 000.00
PENDAPATAN BULANAN : RM8,300.00



Bermula menjalankan dalam bidang perniagaan pada tahun 2009. Beliau hanya menjual baju- baju 'jersey' dan baju terpakai di pasar malam di Ipoh, Perak. Pada akhir tahun 2011 beliau berpindah dari Ipoh, Perak ke Kuala Nerang, Kedah sehinggalah beliau dapat membuka cawangan kedua dibuka pada tahun 2012. Akhir tahun 2012 perniagaan beliau merosot sehinggalah beliau terpaksa menanggung kerugian.

Bermulalah pada akhir tahun 2012, beliau diberi peluang oleh Allah s.w.t menjalankan perniagaan dalam bidang pencetakan. Hanya Sebuah laptop dan sebuah pencetak sahaja beliau dapat mengeluarkan produk 'Bisnes Card' dengan hanya belajar melalui internet sahaja.

Sepanjang tahun 2013, beliau melaburkan wang dengan mengikuti kursus keusahawaan yang dipimpin oleh Dr. Azizan bin Osman dan beliau juga menyertai kursus 'Regional Value Content'(RVC) yang dianjurkan oleh KEDA sehinggalah

semangat keusahawaan dan cara penyediaan kertas kerja diterap di dalam diri beliau sehingga menjadi usahawan yang berjaya.


Pada tahun 2014, beliau telah mengemukan kertas kerja hasil kursus 'RVC' yang diikuti oleh beliau bagi memohon bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) RISDA dan permohonan tersebut telah diluluskan sebanyak RM10,000.00 dengan membekalkan sebuah mesin pencetak (printing), sebuah mesin fotostat dan sebuah proter.

Daripada bantuan inilah beliau dapat membuka langkah dengan lebih luasnya dalam bidang pencetakan, sulaman dan pengiklanan. Pada masa tersebut juga beliau berusaha mencari dana/ geran bagi memiliki mesin sulaman untuk membuat baju T-shirt dan dengan usaha yang gigih beliau berjaya memperoleh geran daripada MARA sebanyak RM126,000.00 dan hanya membayar 60% daripadanya. Kini beliau

mempunyai dua buah kedai pencetakan.

Memandangkan perniagaan beliau baru mencecah empat tahun, pencapaian yang diperolehi oleh beliau adalah kepercayaan daripada pelbagai agensi-agensi di seluruh Negeri Kedah sehinggalah beliau pernah mendapat tender membuat pencetakan bagi program-program di seluruh Kedah seperti Karnival Usahawan Desa peringkat negeri kedah yang hampir RM50 ribu dalam masa dua bulan.

Perancangan beliau adalah ingin mewujudkan dan mencetak UNIFORM DESA yang mempunyai logo syarikat beliau diseluruh Malaysia dengan menjadi pembekal dan beliau ingin membantu belia-belia yang masih menganggur dalam bidang pekerjaan dengan gandingan dan kerjasama daripada GIATMARA untuk melatih belia-belia berkenaan. Selain daripada menjadi pembekal baju diseluruh Malaysia beliau juga ingin memajukan perniagaan dalam pembinaan papan tanda.



Usaha Gigih MEMPEROLEH KEJAYAAN

Disediakan oleh: Angelinda A/P Neelas, PRN Kedah



PENCAKTARI ENTERPRISE

NAMA USAHAWAN	: MOHD. SUKOR BIN ABDULLAH
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: PENCAKTARI ENTERPRISE 310, TMN TABUNG HAJI, KEPALA BATAS, K. SETAR
NO. TEL/FAKS	: 011-2950 4373
WEBSITE	: www.pencaktari.com
PENERIMA BANTUAN RISDA/LAIN-LAIN TAHUN 2014	: BANTUAN PEMBUNGKUSAN
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN
PRODUK SAWIT	: SABUN BERASASKAN KELAPA SAWIT
TAHUN MULA PROJEK	: 01 JULAI 2010
BILANGAN PEKERJA	: 5 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 84,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 7,000.00

Latarnya hanyalah pekebun kecil biasa dan tidaklah mempunyai ilmu asas perniagaan seperti ahli perniagaan berjaya lain. Pada beliau, Jika ingin berjaya, kita perlu banyak belajar dari mentor yang terbukti berjaya dan segala usaha kita mestilah dilakukan dengan kadar segera. Semakin cepat kita usaha, semakin cepatlah kejayaan itu datang kepada kita. Ini dibuktikan Mohd Sukor bin Abdullah 34, apabila berjaya memasarkan produk sabun organik jenama SYUKUR ke beberapa negeri seperti Kedah, Selangor, Johor dan lain lain.

Kekuatan utama produk yang dihasilkan beliau adalah berasaskan tumbuhan. Ini menjadikan produk keluaran beliau lebih selamat untuk digunakan kerana tidak mengandungi bahan mentah merbahaya yang boleh mengakibatkan kanser dan kerengsaan kulit tangan.

“Saya berasal daripada keluarga susah. Arwah bapa bekerja sebagai pemandu teksis dan merupakan seorang pekebun kecil di Jitra Kedah. Ibu pula seorang surirumah sepenuh masa. Sebagai anak lelaki di dalam keluarga yang ramai, saya merasa bertanggungjawab untuk membantu keluarga. Bagi meringankan beban mereka, saya berusaha mencari pendapatan sendiri untuk menampung perbelanjaan harian,” katanya.

Sebelum memulakan perniagaan, Jawatan terakhir beliau ialah sebagai Pengurus Pengeluaran di sebuah syarikat perkilangan elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Selain itu, beliau juga mengusahakan tanaman getah sebagai menyambung warisan keluarga.

Sebagai pekerja kilang seperti beliau risiko kehilangan kerja seringkali menjadi igauan ngeri. Setiap hujung tahun, akan ada

operasi pengurangan kakitangan syarikat (VSS). Ditambah dengan harga getah yang tak berapa menentu membuatkan Mohd Sukor tekad untuk membina perniagaannya sendiri.

Bersandarkan pengalaman terdahulu dan tunjuk ajar dari beberapa mentor perniagaan, bidang pembuatan pencucian dilihat berpotensi untuk berjaya berbanding bidang lain. Selain kurang diceburi oleh usahawan muslim, ianya juga adalah tuntutan fardhu kifayah kerana tiada produk keluaran muslim yang produknya berjaya dipasarkan keseluruh Negara.

“Atas semangat itu, saya tekad untuk menguasai bidang ini dan sentiasa berusaha untuk berjaya sekaligus mencipta fenomena baru dalam pasaran negara sebelum ke pasaran antarabangsa,” katanya.

Beliau merasa amat bersyukur kerana mendapat sokongan yang padu dari pihak RISDA yang sedia membantu pekebun-pekebun kecil untuk berjaya dalam perniagaan. Hasil bimbingan dan perhatian khusus yang diberikan selama ini, produk beliau kini telah berjaya memasuki rangkaian pasaraya seperti U Station. Selain itu, beliau sedang berusaha untuk mengkomersialkan dan memasukkan produk tersebut ke pasaran hypermarket terkenal seperti Mydin, TESCO, GIANT dan lain lain.

Beliau juga menyediakan khidmat mengeluarkan produk dengan jenama pelanggan (OEM product) untuk syarikat MLM, koperasi atau mana mana individu yang berminat boleh hubungi talian 011 2950 4373 atau lawati laman web www.pencaktari.com.my



imbasan aktiviti usahawan



BAGUS...Dato Mohamad Bin Muda memberikan *signal thumbs up* selepas Program Menandatangani MoU Usahawan Bistari di Ibu Pejabat RISDA Kuala Lumpur.



SEMPURNA...Para pemenang Pertandingan hadiah kemenangan yang disampaikan oleh...

TEKUN..Peserta Kursus Pembuatan Keropak di MARDI Terengganu bersungguh-sungguh mempelajari selok belok keropak untuk dilaksanakan di Negeri Sabah.



LENTURKAN...En. Mohammad Bin Zakaria Temin Kraf menunjukkan cara yang betul dalam pembuatan tembikar kepada pelancong Jepun yang hadir ke Hevea Collection Week.



KOMITED...En Mazlan Bin Abdul Rahman tenaga pengajar Kursus Bunga Daun Getah di Sabah mencurahkan ilmu proses mencuci daun getah.



MERIAH...Kanak-kanak turut mengambil bahagian dalam Pertandingan Mewarna sempena Hevea Collection Week yang diadakan di Pusat Membaca Wangsa Walk.

AMPAIAN ANUGERAH
PERTANDINGAN HEVEA
KREATIF 2014

BERKONSEPSI DAN CREATIF
DITUNJANG OLEH PENGARAH RISDA
DATO' SRI WAN MOHAMMAD ZUKI BIN MOHAMAD



HEVEA Kreatif 2014 bergambar kenangan bersama
Dato` Sri Wan Mohammad Zuki Bin Mohamad.



SENI...Dato Mohamat Bin Muda bersama isteri menunjukkan hasil kreativiti dalam
mencanting batik di Hevea Collection Week yang berlangsung di Pusat membeli
belah Wangsa Walk.



INTEGRASI...En. Mohd
Shah Bin Abdul Rahman
sedang menerangkan
sistem dan hasil beliau
daripada program integrasi
ketika lawatan Dato`
Sri Ketua Pengarah ke
Program Integrasi AET
di Melaka.



MODEN & MENAWAN...Model memperagakan hasil Hevea
Kreatif yang berasaskan daun getah yang mampu dijelmakan
menerusi pemikiran yang kreatif.

UNIK...En.Muhamad Khalis Bin Mohd Zailani, Usahawan Bimbingan
RISDA dari Negeri Selangor melihat senarai tempahan ketika
Hari Kraf Kebangsaan 2015 yang berlangsung pada 26 Mac
sehingga 7 April 2015 yang berkonsepkan futuristik.

agian
EVEA
li Belah

KESUNGGUHAN Melonjak Pendapatan

Disediakan oleh: Abu Hassan Md Saman, PRD Baling



Che Embun binti Ismail atau lebih di kenali dengan Kak Embun merupakan seorang pengusaha Ais Krim yang tidak asing lagi malahan dikenali ramai. Beliau merupakan salah seorang peserta Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET RISDA) yang Berjaya dikesan dan diberi peruntukan sebanyak RM10,000.00 pada tahun 2014.

Bermodalkan RM2,500.00 beliau memulakan projek pada tahun 1993 secara kecil-kecilan di rumah dan dibantu oleh suami. Biarpun berpendidikan setakat darjah enam sahaja, ini tidak menjadi penghalang untuk berjaya dalam bidang yang diceburi. Pada tahun 2013 beliau telah berjaya membina sebuah bengkel dan juga membeli mesin memproses aiskrim. Dengan usaha yang gigih tanpa mengenal erti jemu dan putus asa, kini beliau mampu memperolehi pendapatan sebanyak RM70,000.00 setahun.

AIS KRIM KAK EMBUN ENTERPRISE

NAMA USAHAWAN	: HAJJAH CHE EMBUN BT.HJ.ISMAIL
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: AIS KRIM KAK EMBUN NO.68.KG.POKOK SENA, 09100 BALING,KEDAH.
NO.TEL/FAKS	: 013 488 0039/013 428 1944
PENERIMA BANTUAN RISDA/LAIN-LAIN	: PENERIMA BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN RISDA TAHUN 2014
BIDANG PERUSAHAAN	: MAKANAN
PRODUK	: AIS KRIM
TAHUN MULA PROJEK	: 1993
BILANGAN PEKERJA	: 4 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM70,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 6,000.00 SEBULAN

Benarlah kata orang, sebegus manapun produk yang kita ada jika tanpa promosi dan pemasaran yang agresif maka pincanglah sesuatu perniagaan itu. Pada tahun 2003 dan 2008, pihak TV3 telah menyiarkan Program Usahawan Desa dalam Majalah 3 dan perusahaan beliau telah mendapat liputan. Ini telah meninggalkan impak yang besar terhadap perniagaan beliau di mana pengeluaran ais krimnya telah meningkat dari 35 tong kepada 70 tong sebulan.

Beliau berhasrat untuk memperluaskan lagi rangkaian perniagaannya di masa hadapan. Berkat usaha yang gigih, beliau telah berjaya membuka sebuah rangkaian perniagaannya di Sri Mahkota Cheras yang diuruskan oleh anak beliau. Semoga dengan berkembangnya perniagaan beliau, diharapkan Ais Krim Kak Embun ini akan terus dikenali di serata Negara bukan hanya di pasaran tempatan sahaja.



memperkasa SENI memartabatkan WARISAN

Disediakan oleh: Nor Hayati binti Mehat, PRN P.Pinang

JAGO MUTIARA ENTERPRISE

NAMA USAHAWAN	: AMRUL HIDAYAT BIN HASHIM
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: JAGO MUTIARA ENTERPRISE
NO. TEL/FAKS	: 017-4158958 @ 017-4705362
EMAIL	: jagomutiara1@gmail.com
PENERIMA BANTUAN RISDA/LAIN-LAIN	: PENERIMA BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN RISDA TAHUN 2015
BIDANG PERUSAHAAN	: PERKHIDMATAN
PRODUK	: CAPAL
TAHUN MULA PROJEK	: OKTOBER 2005
BILANGAN PEKERJA	: 5 ORANG (MAHIR)
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM60, 000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 5,000.00



Jago Mutiara Enterprise secara umumnya ditubuhkan bertujuan untuk menyambung dan memperjuangkan kesenian pakaian kaki masyarakat melayu supaya tidak ditelan zaman. Pakaian yang melambangkan kesenian Melayu ini sebenarnya telah hampir dilupakan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu sendiri. Ini kerana kurangnya pendedahan tentang keistimewaan pemakaiannya kepada generasi baru. Kemahiran membuat chapal dipelajari dan diwarisi dari ayahanda tercinta, En.Hashim bin Hassan yang mengusahakan perniagaan tersebut sejak 1958.



dengan memperolehi pendapatan tahunan sebanyak RM 60,000.00.

Amrul Hidayat amat mementingkan kualiti hasil pengeluaran dengan mengawal kualiti, standard dan piawaian pengeluaran yang ditetapkan oleh syarikat supaya pengguna mendapat barangan yang konsisten selain meletakkan harga yang berpatutan untuk menjamin kepuasan pelanggan tidak kira pelanggan lama atau baru. Di samping itu, penggunaan mesin dan alatan yang bersesuaian juga dititikberatkan supaya produk yang dihasilkan lebih halus, kemas dan cantik.

Bagi memastikan corak dan model capal keluaran beliau tidak ketinggalan dari arus kemodenan beliau sentiasa mengeluarkan koleksi rekaan-rekaan fesyen terbaru setiap masa supaya pelanggan mendapat lebih banyak pilihan. Selain capal yang merupakan keluaran utama syarikat, barangan kulit seperti beg, dompet dan tali pinggang dengan jenama JAGO. Selain dari menawarkan harga borong yang berpatutan kepada peniaga-peniaga runcit di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei, penghantaran produk secara percuma juga disediakan kepada pembeli atau pemborong di seluruh semenanjung Malaysia tertakluk kepada terma dan syarat.

Harapan beliau agar beliau dapat mengembangkan lagi perniagaan pakaian kaki tradisional melayu ini agar dapat menandingi produk pakaian kaki moden yang dikeluarkan oleh syarikat lain diseluruh dunia yang terkenal dan berjenama. Meletakkan Capal ini di persada antarabangsa dan menerangkan kepada dunia tentang keunikan pakaian kaki masyarakat Melayu di Malaysia. Selain itu beliau juga berharap akan memperluaskan pasaran Capal kepada segenap masyarakat Melayu terutamanya dan menjadikan Capal sebagai pakaian rasmi masyarakat Melayu dan tidak mengira golongan umur. Berusaha untuk mencapai matlamat agar setiap individu Melayu di seluruh Malaysia untuk memiliki sepasang Chapal menjelang 2020.

Kini, syarikat yang berada di bawah penerajuan En. Amrul Hidayat ini merupakan satu kesinambungan warisan perniagaan keluarga yang telah bertahan lebih lima dekad di Pulau Pinang. Keistimewaan chapal keluaran beliau adalah kerana struktur asasnya diperbuat daripada kulit asli dan memiliki pengalaman 52 tahun dalam perusahaan pembuatan chapal ini. Selain itu chapal keluaran syarikat juga telah digunakan oleh beberapa tokoh besar tanah air antaranya Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Tun Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi.

Menurut beliau yang juga merupakan penerima bantuan AET 2015, Capal jika berada sekitar tahun 1935 adalah merupakan pakaian harian orang Melayu dan di Negeri Pulau Pinang sahaja terdapat 15 orang tukang membuat capal pada ketika itu. Namun sehingga kini, jumlah itu semakin merosot. Bagi segelintir pengusaha yang masih memiliki kemahiran tidak lagi bercadang mahu meneruskan pengeluaran

malah menukar haluan kepada membaik pulih semula kasut dan barangan kulit sahaja. Ini disebabkan saingan sengit dari syarikat-syarikat pembuatan barangan kulit lain yang menawarkan pelbagai fesyen-fesyen terkini.

Kini Jago Mutiara secara tidak langsung berperanan sebagai pelopor seni membuat produk warisan ini dalam usaha untuk mengekalkan dan mengembangkan lagi penggunaan capal kepada generasi baru agar identiti bangsa tidak lagi terus dipinggirkan dan dilupakan oleh arus peredaran masa.

Berhadapan dengan kekurangan pekerja tidak langsung menggugat usaha beliau untuk melaksanakan matlamat dan strategi organisasi ini. Syarikat ini mempunyai tujuh orang pekerja mahir yang menjalankan lebih dari beberapa tugas yang sangat penting dalam organisasi. Manakala pekerja akan diserap masuk apabila perniagaan semakin maju. Kini beliau boleh berbangga



Kehalusan Jemari USAHAWAN MELAYU

Disediakan oleh: Nurulsyuhada binti Ahmad,
Bahagian Pembangunan Usahawan

TEMIN KRAF ENTERPRISE

NAMA USAHAWAN	: MOHAMMAD BIN ZAKARIA
NAMA & ALAMAT SYARIKAT	: SYARIKAT TEMIN KRAF KM 7, JALAN KLINIK DESA, KG. TEMIN 27000 JERANTUT
NO. TEL/FAKS	: 013-9670266
PENERIMA BANTUAN RISDA/LAIN-LAIN	: PENERIMA BANTUAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN RISDA TAHUN 2011
BIDANG PERUSAHAAN	: KRAFTANGAN
PRODUK	: SERAMIK
TAHUN MULA PROJEK	: TAHUN
BILANGAN PEKERJA	: 5 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 60,000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 5,000.00

Dengan bermodalkan RM 500.00, Syarikat Temin Kraf Enterprise telah ditubuhkan oleh En. Muhamad bin Zakaria. Penubuhan syarikat ini melambangkan minat beliau yang mendalam terhadap seni kraftangan yang berasaskan seramik. Minat ini timbul kerana sumber bahan mentah tersebut mudah diperolehi di kawasan perumahan beliau. Bagi merealisasikan hasrat beliau

untuk mengembangkan lagi hasil produk kraftangan seramik ini, Encik Mohammad telah memohon bantuan kewangan daripada pihak RISDA.

Keprihatinan RISDA terhadap usahawan kecil ini jelas banyak membantu beliau apabila permohonannya telah diluluskan dan menerima bantuan AET tahun 2011 dalam bentuk peralatan seperti mesin-mesin baru dan oven pembakar tanah liat. Melalui bantuan tersebut, produktiviti Syarikat Temin Kraf telah meningkat dan mempunyai pelbagai variasi dalam

produknya. Kini, berkat bantuan daripada pihak RISDA, purata hasil jualan syarikat ini telah mampu memecah RM 60, 000 setahun.

Harapan beliau agar pihak RISDA dapat memberi lebih ruang dan peluang kepada para usahawan kecil untuk memasarkan produk-produk syarikat mereka ke pasaran yang lebih meluas dengan membantu usahawan menyertai program-program seperti Hari Kraf Kebangsaan (HKK), Karnival Usahawan Desa (KUD) dan mana-mana program samada anjuran RISDA

mahupun agensi-agensi lain. Beliau juga berharap skim bantuan yang ditawarkan oleh RISDA ini dapat membantu usahawan-usahawan lain terutamanya usahawan-usahawan muda yang baru mengorak langkah menceburi bidang perniagaan.

Konklusinya, adalah diharapkan komitmen dan kesungguhan pihak RISDA ini akan berterusan untuk membantu usahawan-usahawan lebih berdaya saing serta mengembangkan lagi sayap perniagaan ke pasaran yang lebih meluas.



HARI KRAF KEBANGSAAN 2015

Disediakan oleh: Nurulsyuhada binti Ahmad,
Bahagian Pembangunan Usahawan

Hari Kraf Kebangsaan 2015 merupakan salah satu program anjuran Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan melalui agensinya Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Lantaran itu, pada 26 Mac hingga 07 April 2015, bertempat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur Jalan Conlay, penganjuran Hari Kraf Kebangsaan (HKK 2015) kali ke 13 ini dipenuhi dengan pengisian aktiviti utama yang menentengahkan kepelbagaian dan penggunaan produk kraf melalui jualan, pameran, demonstrasi dan interaktif kraf. Penganjuran yang julung kali diadakan ini disertai oleh lebih 600 usahawan kraf seluruh Malaysia yang menampilkan keunikan produk seni kraf tempatan tradisional mahupun komtemporari. Tidak ketinggalan juga usahawan dari industri perkhidmatan dan produk perkahwinan turut memeriahkan HKK kali ini.

RISDA melalui Bahagian Pembangunan Usahawan turut memberi peluang kepada usahawan yang berminat bagi menyertai program yang diadakan setiap tahun ini. Seramai lima orang usahawan Bimbingan RISDA telah dipilih. Khairiah binti Khalib antara usahawan yang terpilih bagi menjayakan program ini. Beliau merupakan Usahawan Bimbingan RISDA yang mengusahakan perniagaan kraf seramik. Pemilik FKF Kraf Seramik ini merasakan melalui penyertaan ini dapat memberkan beliau peluang mengenali lebih ramai prospek dari dalam dan luar Negara. Malah ramai pengunjung yang membuat tempahan awal dari beliau selain dari mendapat jualan secara langsung.



Muhammad Khalis bin Mohd. Zalani, pemilik tunggal Khalis Deco Enterprise yang baru sahaja memulakan perniagaan pada 2012 juga merasa bertuah apabila dipilih menyertai Hari Kraf Kebangsaan 2015 ini. Menurutnya ramai pengunjung yang datang ke gerai beliau berminat dengan hasil kraf yang dihasilkan. Beliau tidak melepaskan peluang ini dengan mempromosikan produknya di samping dapat meningkatkan pendapatannya.



Temin Kraf Enterprise yang ditubuhkan oleh Muhamad bin Zakaria antara usahawan Bimbingan RISDA yang menjalankan perniagaan dalam bidang seramik ini tidak akan melepaskan peluang dalam menyertai HKK 2015. Saban tahun program ini diadakan, beliau sentiasa menyertai kerana padanya melalui program ini secara tidak langsung beliau boleh memperkenalkan hasil usaha beliau. Menurutnya kemahiran berkomunikasi dapat ditajamkan di mana usahawan dapat berinteraksi dengan setiap pengunjung yang datang ke gerainya.



Usahawan Bimbingan RISDA yang menjalankan perusahaan batik ialah Hasilawati binti Mohamed Samin. Pemilik Mahera Batik Craft mempunyai pendapatnya tersendiri dalam penyertaan beliau. Padanya, HKK 2015 ini merupakan medium bagi usahawan dalam mengangkat produk kraf yang semakin dilupakan oleh generasi Y. oelh kerana itu, sepanjang program berlangsung, beliau telah memberi peluang kepada pengunjung untuk mencanting batik mengikut citarasa tersendiri. Melalui cara ini, secara tidak langsung beliau telah memperkenalkan seni mencanting batik kepada semua golongan.

Sebagai kesimpulan, penganjuran HKK 2015 kali ini dikira sangat Berjaya dan banyak memberi impak kepada usahawan-usahawan desa terutamanya Usahawan Bimbingan RISDA. Program seumpama ini dilihat bukan sahaja mampu menarik minat masyarakat melayu namun ia juga mampu menarik minat pelancong asing yang ingin melihat seni kraf tradisional melayu. Diharapkan program seperti ini akan diadakan secara berterusan dan sekaligus memartabatkan hasil kraf seni warisan melayu ke mata dunia



Selain daripada itu, Usahawan Bimbingan RISDA yang datang dari Kedah ini telah menyertai HKK 2015. Siti Aisyah binti Abdul Hamid merupakan pengusaha Kraf Bunga Daun Getah di bawah bimbingan Bahagian Pembangunan Usahawan. Pemilik Mustika Flora Enterprise yang pernah memenangi Anugerah Usahawan Terbaik Tahun 2015 di Kulim ini amat gigih dalam menjalankan perusahaan beliau. Cintanya terhadap seni kreatif daun getah terbukti apabila hasil sentuhannya mendapat perhatian setiap pengunjung yang datang ke gerainya. Malah ada juga pengunjung yang datang dari luar Negara yang meminati bunga-bunga gubahan beliau.





seminar

PEMBANGUNAN USAHAWAN dan PENYAMPAIAN SIJIL AET Negeri Terengganu 2015



Disediakan oleh: Rozi bt Adam, PRN Terengganu

Bertempat di Kompleks Pejabat FELDA Wilayah Terengganu bertarikh 27 April 2015, satu program telah diadakan iaitu Seminar Pembangunan Usahawan dan Penyampaian Sijil AET Negeri Terengganu yang telah dirasmikan oleh Dato' Hj. Mohamat b. Muda Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan RISDA Malaysia.

"Budaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pekebun Kecil"

Program tersebut telah melibatkan usahawan-usahawan Bantuan AET RISDA daripada setiap daerah di Negeri Terengganu. Program tersebut turut melibatkan pegawai dari Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu (YPU) yang telah memberi taklimat berkaitan kaedah Penyediaan Pelan Perniagaan kepada usahawan-usahawan yang hadir. Seminar ini dianjurkan untuk memupuk dan melahirkan budaya keusahawanan di kalangan para pekebun kecil. Timbalan Ketua Pengarah RISDA

Malaysia juga memaklumkan kepada semua peserta bahawa pada tahun ini RISDA memberi tumpuan dan penekanan kepada Program pembangunan usahawan sebagai 'core-business' kedua selain daripada Program Tanam Semula.

Selain daripada itu juga RISDA telah mengkhususkan Institut Kemajuan Pekebun Kecil atau **IKPK Kelantan sebagai Institut**



Usahawan Pekebun Kecil. Semua kursus usahawan serta teknikal Aktiviti Ekonomi Tambahan akan diadakan IKPK ini. **Kelab Usahawan RISDA(RISEC)** akan diperkasakan lagi pada tahun ini dengan penetapan kursus yang lebih berfokus bserta akan menyediakan pelbagai insentif kepada usahawan-usahawan yang menjadi ahli RISEC .

Timbalan Ketua Pengarah RISDA Malaysia telah menyampaikan Mock Cheque bagi Program Bantuan AET Negeri Terengganu 2015, Penyampaian Anugerah Usahawan Berdaya Saing 2015 dan penyerahan Akujanji Usahawan Negeri Terengganu seurus ucapan perasmian oleh Dato' Hj. Mohamat b. Muda, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan RISDA Malaysia.





Lensa Usahawan
Bahagian Pembangunan Usahawan
Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7,
Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067, 50990 Kuala Lumpur
Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944
Email: usahawan@risda.gov.my
www.risda.gov.my



ISSN 2462-1684



9 772462 168000